

29 JUL 1996  
Mahathir - Dialog  
MAHATHIR BERITAHU RAHSIA KEJAYAAN MALAYSIA

LANGKAWI, 29 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini memberitahu tentang rahsia kejayaan ekonomi Malaysia kepada 250 orang peserta dialog perniagaan antarabangsa di sini.

Beliau antara lain menyebut kesediaan Malaysia menolak arus semasa, mengetepikan kebijaksanaan konvensional dan mewujudkan perniagaan melalui konsep Persyarikatan Malaysia sebagai faktor-faktor yang membawa kejayaan itu.

Menurut beliau, dalam beberapa hal, Malaysia bukan sahaja tidak melakukan perkara-perkara konvensional tetapi berbuat sebaliknya, seperti tidak mengambil alih perniagaan kepunyaan pengusaha asing semasa mencapai kemerdekaan, sebaliknya mereka digalakkan supaya terus tinggal di sini dan mempelawa perniagaan asing yang baru datang ke negara ini.

"Hasilnya, terdapat lebih ramai kulit putih penjajah di sini selepas kemerdekaan daripada sebelumnya," kata Dr Mahathir semasa merasmikan Dialog Antarabangsa Langkawi yang mengumpulkan pemimpin kerajaan dan pengusaha industri, di Berjaya Beach Resort di sini.

Dr Mahathir berkata melalui Persyarikatan Malaysia yang diperkenalkan pada awal tahun 80-an untuk memupuk perkongsian antara perkhidmatan awam, sektor swasta dan pemimpin politik, Malaysia telah berjaya menghapuskan kepercayaan yang menganggap sektor swasta sebagai golongan yang tamak haloba yang tidak memberi pertimbangan kepada rakyat dan negara dalam mengejar keuntungan.

Beliau memberi beberapa contoh cara pentadbiran dengan konsep Persyarikatan Malaysia sambil berkata sesorang ahli perniagaan yang mempunyai idea yang baik untuk sesuatu projek hanya boleh mengemukakan projeknya kepada pegawai paling rendah dalam era sebelum sistem kerjasama ini.

Para pegawai rendah ini yang cuma berfikir sama ada hendak meluluskannya atau tidak, mungkin mengambil keputusan untuk terus menolak projek itu.

Walaupun penolakan itu betul dan mengikut undang-undang, ia bermakna projek yang dapat memberi faedah kepada negara diketepikan begitu sahaja, kata Perdana Menteri.

Tetapi di bawah konsep Persyarikatan Malaysia, ia tidak berakhir di situ sahaja.

Orang berkenaan boleh menemui pegawai-pegawai yang lebih kanan untuk meminta pertimbangan yang wajar, termasuk menemui menteri, malahan Perdana Menteri sendiri senang ditemui di bawah konsep ini.

Dalam erti kata lain, kata Dr Mahathir, besar kemungkinan pertimbangan yang wajar akan timbul aspek-aspek faedah projek itu, termasuk ianya boleh jadi menguntungkan dan dapat memberi sumbangan kepada kerajaan melalui percukaian.

Ia juga mungkin menimbulkan kegagalan untuk memenuhi beberapa syarat dan ini boleh diatasi dengan melakukan beberapa perubahan termasuk mengeneipkan syarat-syarat itu untuk faedah awam yang lebih penting.

"Objektif dan tujuan seperti ini tidak dapat dilihat oleh pegawai rendah yang mempunyai kuasa yang terhad. Hanya pegawai kanan atau mereka yang teratas kali boleh melakukan semua ini untuk meluluskan projek itu," kata beliau.

Menurut Perdana Menteri, satu lagi contoh ialah ialah projek kereta nasional yang mungkin tidak dimulakan jika mereka yang teratas ini tidak

mengatasi semua bentuk karenah birokrasi, mengumpulkan semua pihak-pihak berkuasa yang terlibat dalam mesyuarat yang semua peraturan dan masalah dibincangkan. Semua halangan diatasi dan kelulusan diberi pada dasarnya.

"Orang teratas mahukan tindakan diambil dengan segera dan laporan diserahkan dalam masa seminggu. Hasilnya apa yang sepatutnya mengambil masa dua tahun dapat diselesaikan dalam masa seminggu. Projek kereta nasional dimulakan lebih awal kerana pendekatan Persyarikatan Malaysia ini," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir selaku arkitek projek kereta nasional sebagai sebahagian dari usaha untuk meletakkan negara ini dalam sektor industri berat, amat berbangga dengan kejayaan projek ini sekarang, terutama industri sampingannya yang memberi faedah kepada kerajaan dan negara.

"Justeru itu, mengapa karenah birokrasi dan syarat remeh temeh harus menjadi penghalang. Konsep kerjasama Persyarikatan Malaysia adalah apa yang telah menyebabkan projek seperti Proton dijalankan.

"Begitu juga dengan projek-projek utama kerajaan yang lain seperti penswastaan. Tanpa sokongan dan kerjasama dari perkhidmatan awam dan anggota kerajaan, semua projek itu akan tergendala, pembinaan dan pelaksanaan diperlahankan dan kosnya meningkat," kata beliau.

Perdana Menteri juga membuat perbandingan ini dengan imej ahli perniagaan yang buruk pada satu masa dahulu terutama di kalangan pegawai kerajaan yang antara lain menganggap mereka sebagai mengambil keuntungan dari titik peluh pekerja mereka, dan ini perkara biasa untuk pegawai-pegawai kerajaan mengenakan sebanyak halangan kepada perniagaan mereka.

Dr Mahathir bercakap panjang lebar mengenai perkhidmatan awam sambil berkata mereka sentiasa menganggap sektor swasta sebagai musuh semula jadi dan mengenai berbagai peraturan birokratik yang menyusahkan.

Sektor swasta juga tidak pernah dikatakan sebagai penyumbang kepada pembangunan negara dan kebajikan rakyat, kata beliau.

Pada waktu itu, perkhidmatan awam mengambil sikap "tidak menghabiskan kerja hari ini apa yang boleh dibuat esok".

Ketidakcekapan dalam perkhidmatan awam juga amat ketara jika dilihat dari cara kira-kira 2,000 syarikat yang ditubuhkan oleh kerajaan dan badan-badan kerajaan dijalankan.

Beribu-ribu juta dolar diperuntukkan kepada syarikat-syarikat ini melalui pemberian modal tahunan kerana mereka tidak berupaya menjanakan pendapatan sendiri untuk memperluaskan perniagaan.

Namun begitu, mereka seperti juga jabatan-jabatan kerajaan, mengadakan sebab-sebab untuk membesar kerana mengikut dakwaan mereka, ini sebagai "memenuhi tanggungjawab sosial.

"Yang lebih teruk lagi ialah mereka menubuhkan anak-anak syarikat yang juga gagal," kata Perdana Menteri.

Hanya selepas ini kerajaan pusat dan kerajaan negeri diminta memberhentikan menubuhkan lebih banyak syarikat kerajaan dan sebaliknya sektor swasta akan diminta mengambil alih perbadanan-perbadanan ini dan sesetengah tugas dan aktiviti kerajaan

-- dan dari sini lahirlah program penswastaan pada tahun 1982.

Dr Mahathir berkata, sekali lagi badan-badan yang diswastakan ini menghadapi masalah yang sama, dan dalam banyak kejadian, perkhidmatan awam boleh menyusahkan syarikat-syarikat penswastaan.

Oleh kerana perkhidmatan awam menganggap sektor swasta seperti musuh semula jadi mereka, keadaan menjadi sukar, malahan cukai yang dibayar oleh syarikat perniagaan ini hanya dianggap sebagai denda yang dikutip sebagai hukuman.

Lagi satu tanggapan dalam perkhidmatan awam mengenai sektor swasta dan kekayaannya ialah pegawai kerajaan mendapat gaji kecil tetapi setiap kelulusan oleh kerajaan memberi hasil berjuta kepada sektor swasta

sementara pihak berkuasa yang meluluskan tidak mendapat apa-apa bahagian.

Oleh itu, sekiranya mereka mahu pegawai kerajaan memberi perkhidmatan kepada mereka, mereka perlu datang kepada pegawai kerajaan dan akibatnya pegawai kerajaan yang paling rendah sekali berlagak lebih tinggi daripada ahli perniagaan yang berjaya.

Tetapi kata Perdana Menteri, sektor swasta juga bukan lebih baik kerana dengan menjauhi pegawai kerajaan mereka menubuhkan persatuan-persatuan mereka yang eksklusif.

Mereka mungkin nampak baik dengan pegawai kerajaan tetapi mereka selalu memberi tanggapan bahawa pegawai kerajaan ialah orang gagal, miskin dan bertaraf rendah dari mereka.

Dr Mahathir kemudiannya mengemukakan beberapa soalan asas untuk difikirkan oleh pegawai-pegawai kerajaan.

"Mengapa mereka tidak bantu sektor swasta membuat keuntungan. Siapa yang membayar gaji pegawai kerajaan?"

"Siapa yang membiayai perjalanan kerajaan, untuk pembangunan negara sekiranya tidak ahli-ahli perniagaan?"

"Mereka yang miskin tidak membayar cukai langsung. Sekiranya semua orang miskin bagaimana kita menjalankan kerajaan, membayar gaji dan membangunkan negara untuk faedah rakyat?"

Mengenai rasuah, beliau berkata yang sebenarnya rasuah lebih terdedah apabila pegawai kerajaan mengelak dari berurusan dengan ahli perniagaan dan mengenakan karenah birokrasi.

Ini kerana akibat kecewa dengan kelambatan, ahli-ahli perniagaan yang lebih berani akan menawarkan rasuah.

Tetapi sekiranya semua ahli perniagaan mudah bertemu dengan pegawai kerajaan, kelambatan yang disengajakan sukar terjadi kerana jika semua orang diberi layan cepat, tidak ada sebab untuk memberi rasuah.

Perdana Menteri menggesa ahli-ahli perniagaan utama dari syarikat-syarikat terkenal di seluruh dunia yang hadir di dailog itu supaya memperkenalkan etika baru dalam dunia perniagaan.

"Perniagaan sepatutnya memperkayakan dunia kita dan membantu membasmi kemiskinan walaupun keuntungan diperolehi dan dinikmati," kata beliau. --  
BERNAMA

AU YBY WAT FAZ